

**Cikgu Pa: Umno menghina artis**  
**Malaysian Insider**  
**23 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Julai — PAS menganggap Umno menghina artis apabila mengatakan PAS terdesak sehingga terpaksa menggunakan artis untuk meraih undi kata setiausaha agung, Datuk Mustafa Ali.

Tambahnya lagi, Umno menganggap artis sebagai orang yang boleh diperalatkan oleh parti politik sedangkan pendirian dan keyakinan seseorang itu tidak mudah diubah kata Mustafa Ali yang mesra dengan panggilan Cikgu Pa.

“Setiap orang mempunyai sikap dan pendirian mereka, begitu juga artis. Sokongan artis dan pegawai tinggi kerajaan terhadap Umno telah berubah kerana mereka melihat sendiri penyelewengan parti itu.

“Kita tidak pernah memaksa mereka. Mereka menilai dan memperakui pendirian parti sehingga membuatkan mereka mendapat keyakinan baru untuk menyertai parti ini,” lapor Sinar Harian hari ini.

Menurut Cikgu Pa lagi, Umno berada dalam keadaan takut dengan perkembangan yang berlaku pada PAS menyaksikan golongan artis menyertai parti tersebut secara beramai-ramai.

Oleh kerana sudah terdesak, Umno terpaksa mengeluarkan kenyataan sedemikian, kata setiausaha agung PAS itu lagi dalam laporan Sinar Harian.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/cikgu-pa-umno-menghina-artis/>

